

UMS anjur Program Hari Kerja Sosial

UB 8-4 2014 B4

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Program Hari Kerja Sosial bagi mendedahkan siswa dan siswi universiti itu berhubung kepentingan profesion kerja sosial dalam pembangunan masyarakat.

Program itu diadakan bersempena sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia yang disambut setiap 18 Mac bertujuan mendedahkan golongan mahasiswa UMS tentang peranan mereka sebagai ejen perubahan kepada peningkatan kualiti hidup masyarakat.

Program itu dirasmikan Ketua Program Kerja Sosial Risalshah Latif, yang mewakili Dekan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial UMS Dr Murnizam Halik.

Dr Murnizam, dalam teks ucapan yang dibacakan Risalshah, berharap program itu mampu mempererat silaturahim antara pekerja sosial, pensyarah dan siswa siswi kerja sosial di UMS.

“Hari Kerja Sosial Sedunia adalah ilham daripada International Federation Of Social Work (IFSW), sebuah organisasi global yang berusaha memperjuangkan keadilan sosial, hak asasi manusia dan pembangunan sosial melalui promosi profesion kerja sosial serta model amalan terbaik,” katanya.

Bersempena program kali ini, Ketua Unit Kerja Sosial Perubatan, Hospital Queen Elizabeth 1 Doreen Edward dijemput menyampaikan dua ceramah bertajuk ‘Social Work Solution and Advocacy: Working with individual with disability’ dan ‘Penulisan laporan kerja sosial yang komprehensif selepas penilaian klien’. — Bernama